

Kerajaan semak setiap dasar dilaksanakan — PM

UM 10 JUN 2003

PUTRAJAYA 9 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan terus menyemak setiap dasar yang dilaksanakan bagi memastikan ia selari dengan keperluan negara.

Perdana Menteri berkata, walaupun ia kadang-kadang tidak popular dan bertentangan dengan amalan yang biasa dilaksanakan, namun ia perlu supaya sesuai dengan tuntutan semasa.

“Seperti yang saya pernah kata, kita sentiasa menyoal semula apa yang kita buat. Kita semak semula undang-undang, semak amalan-amalan serta langkah yang telah kita ambil,” katanya ketika berucap pada jamuan makan malam sempena Forum Asia-Inc mengenai Kepimpinan Untuk Asia Tenggara, di sini malam ini.

Melalui cara itu kata beliau, kerajaan mendapat arah dan panduan untuk menggerakkan Malaysia bagi menghadapi pelbagai cabaran terutama ketika krisis.

“Dari situ kita menghasilkan strategi untuk mengatasi pelbagai masalah termasuk kegawatan ekonomi,” jelas beliau.

Ini kerana kata beliau, kepimpinan yang baik memerlukan kesanggupan untuk melakukan sesuatu yang luar biasa bagi mencapai kejayaan.

“Kadang-kala mungkin terjatuh tetapi kita perlu

berusaha untuk kembali bertapak,” katanya.

Katanya, langkah yang diambil oleh kerajaan itu walaupun dilihat sebagai ‘pelik’ sesetengah pihak, namun ia telah berjaya mengeluarkan Malaysia daripada kegawatan yang melanda pada tahun 1997 dan 1998.

Beliau berkata, waktu itu Malaysia mengkaji keadaan semasa krisis itu dan merangka satu hala tuju baru yang harus diikutinya dalam mengatasi masalah yang dihadapi.

Sementara itu ketika menjawab soalan dalam sesi soal jawab, Dr. Mahathir berkata, keputusan yang paling sukar dibuat sepanjang tempoh beliau menjadi Perdana Menteri ialah untuk menangani krisis mata wang.

Kata beliau, ini kerana soal yang berkaitan dengan dagangan mata wang perlu difahami betul-betul sebelum satu dasar dapat dirangka untuk menanganinya.

Selepas keputusan diambil pula katanya, ia ditentang oleh banyak pihak termasuk Bank Negara sendiri walaupun akhirnya ia ternyata diakui berkesan.

Ditanya sama ada beliau akan terus menukar pendapatnya selepas bersara pada Oktober ini ini, Dr. Mahathir berkata, beliau akan berucap jika dipanggil untuk berbuat demikian.